

**KAJIAN TENTANG PEMILIHAN PEMBEKAL BAHAN BINAAN  
DI INDUSTRI PEMBINAAN**

**PETER WONG ING HOCK**

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah Sarjana Muda Sains Pembinaan

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**MEI, 2008**

## **ABSTRAK**

Pembekal memainkan peranan yang penting dalam industri pembinaan. Obligasi pembekal adalah membekal bahan binaan dalam kualiti yang betul, kuantiti yang betul, masa yang betul, harga yang betul dan tempat yang betul. Kandungan kos bahan binaan dalam industri pembinaan adalah sebanyak 40% hingga 45%. Kini, banyak masalah seperti harga bahan binaan tidak menentu, bekalan bahan binaan yang tidak memenuhi permintaan kontraktor, kegagalan projek pembinaan, dan lain-lain telah muncul dalam industri pembinaan. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti pendekatan yang diamalkan oleh kontraktor dalam memilih pembekal bahan binaan dan juga mengenalpasti amalan-amalan yang diamalkan oleh kontraktor dalam berurusan dengan pembekal bahan binaan. Seramai tiga puluh lima responden daripada kontraktor kelas G3 hingga G7 di negeri Sarawak dipilih sebagai sampel kajian. Maklumbalas yang diperolehi melalui soal selidik telah dianalisis menggunakan perisian excel. Hasil kajian telah mendapati bahawa kontraktor di antara kelas G4 hingga G7 telah menggunakan pendekatan yang berlainan untuk memilih pembekal bahan binaan. Kebanyakan kontraktor suka menggunakan kaedah membuat tawaran untuk memilih pembekal bahan binaan. Kualiti bahan binaan lebih dipentingkan semasa memilih pembekal bahan binaan. Hasil kajian juga mendapati bahawa kontraktor antara kelas G4 hingga G7 mengamalkan amalan yang berbeza berurusan dengan pembekal. Tambahan pula, pembekal juga mengamalkan amalan yang berbeza berurusan dengan kontraktor.

## **ABSTRACT**

Supplier plays an important role in construction industry. Supplier's obligations are to supply the material in right quality, right quantity, right time, right price and right place. Costs of material are around 40% to 45% in construction industry. Nowadays, there are a lot of problem like ini, unstable price material, insufficient material supply to reach demand of contractor, project failure and others occur in construction industry. Objective of study is to identify approach use by the contractor to select a supplier and identify approach use by the contractor to manage with the supplier. 35 contractors from class G4 to G7 in Sarawak were selected to be the respondents for this study. The result from the questionnaire were analyzed by using Microsoft excel programme. Result of the study finds that contractor between class G4 to G7 had used different approach to select supplier materials. A lot of contractor liked to use offering method to select supplier materials. Qualities of materials were important during selected supplier materials. Result of the study finds that contractors between class G4 to G7 had used different method to manage the suppliers. In addition, suppliers also used different method to manage the contractors.